

## ***Al-Firqah al-Najiyah Menurut Abu Al-Muzaffar Al-Isfarayini Dalam Kitab Al-Tabsir Fi Al-Din Wa-Tamyiz al-Firqah al-Najiyah 'an al-Firaq al-Halikin***

*Al-Firqah al-Najiyah* According to Abu Al-Muzaffar Al-Isfarayini in *Al-Tabsir Fi Al-Din Wa-Tamyiz al-Firqah al-Najiyah 'an al-Firaq al-Halikin*

**Aaisyatul Mardhiyyah Ishak,\* Mohd Khairil Fitri Diman, Mohd Al Dandarawi Mustafar  
& Wan Haslan Khairuddin**

Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600  
UKM Bangi, Selangor, Malaysia

\*Corresponding Author: [p131667@siswa.ukm.edu.my](mailto:p131667@siswa.ukm.edu.my)

**Received:** 05 February 2025; **Revision:** 20 October 2025 **Accepted:** 20 October 2025; **Published:** 10 November 2025

**To cite this article (APA):** Ishak, A. M., Diman, M. K. F., Mustafar, M. A. D., & Khairuddin, W. H. (2025). *Al-Firqah al-Najiyah Menurut Abu Al-Muzaffar Al-Isfarayini Dalam Kitab Al-Tabsir Fi Al-Din Wa-Tamyiz al-Firqah al-Najiyah 'an al-Firaq al-Halikin*. *AL-MAKRIFAH Journal of Knowledge and Learning in Islamic Tradition and Culture*, 3(2), 53-64. <https://doi.org/10.37134/almakrifah.vol3.2.5.2025>

### **Abstrak**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal latar perkembangan menurut Abū al-Muzaffar al-Isfarāyīnī tentang al-Firqah al-Nājiyyah (golongan yang selamat) sebagaimana yang dijelaskan dalam kitab *al-Tabṣīr fī al-Dīn wa Tamyīz al-Firqah al-Nājiyyah 'an al-Firaq al-Hālikīn*. Fokus utama dalam kajian ini adalah menjelaskan kedudukan dan ciri-ciri Ahli Sunah Waljamaah (ASWJ) sebagai kelompok yang berpegang kepada ajaran Islam berteraskan al-Quran, Sunnah, ijmak dan qiyas. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis kandungan teks klasik dan sejarah perkembangan firqah dalam Islam. Hasil kajian mendapati bahawa Abū al-Muzaffar telah membahagikan kandungan kitab *al-Tabṣīr fī al-Dīn wa Tamyīz al-Firqah al-Nājiyyah 'an al-Firaq al-Hālikīn* kepada dua bahagian, iaitu golongan yang sesat dan golongan yang selamat. Beliau telah menyenaraikan 72 golongan sesat serta ciri-ciri kesesatan golongan tersebut, dan menegaskan bahawa hanya Ahli Sunah Waljamaah yang berpegang dalam prinsip kebenaran. Implikasi kajian ini menunjukkan kepentingan memelihara aqidah umat Islam daripada penyelewengan serta menjadi panduan dalam memahami akidah Ahli Sunah Waljamaah (ASWJ).

**Kata kunci:** al-Firqah al-Nājiyyah, Abū al-Muzaffar al-Isfarāyīnī, al-Tabṣīr, Ahli Sunah Waljamaah (ASWJ)

### **Abstract**

This study aims to explore the intellectual content of Abū al-Muzaffar al-Isfarāyīnī's thought on *al-firqah al-nājiyyah* (the saved sect), as articulated in his seminal work *al-Tabṣīr fī al-Dīn wa Tamyīz al-Firqah al-Nājiyyah 'an al-Firaq al-Hālikīn*. The primary focus is to clarify the status and characteristics of the Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah (ASWJ). This group adheres strictly to the

teachings of Islam based on the Qur'an, Sunnah, scholarly consensus (*ijmā'*), and analogical reasoning (*qiyās*). Employing a qualitative method, this study conducts a content analysis of classical Islamic texts and the historical development of Islamic sects. The findings found that Abū al-Muzaffar divided the contents of al-Tabṣīr into two major sections: the deviated sects and the saved sect. He listed 72 heretical groups along with their theological deviations, emphasizing that only the ASWJ upholds the true principles of Islamic faith. The implications of this study highlight the necessity of safeguarding the Aqidah Islam from doctrinal deviation and provide a clear framework for understanding the core tenets of ASWJ.

**Keywords:** al-Firqah al-Nājiyyah, Abū al-Muzaffar al-Isfarāyīnī, al-Tabṣīr, Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah (ASWJ)

## Pendahuluan

Islam merupakan agama yang benar dan diredhai oleh Allah SWT, sebagaimana dinyatakan dalam al-Qur'an, surah al-Maidah ayat 3.

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيْتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا

Terjemahan: *“Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu, dan Aku telah redakan Islam itu menjadi agama untuk kamu.”*

Kesempurnaan Islam dilihat dengan keimanan melalui pengakuan terhadap keesaan Allah SWT dan Nabi Muhammad SAW sebagai rasul terakhir. Baginda telah diutuskan untuk menyampaikan risalah Islam kepada seluruh umat manusia. Risalah Islam berpaksikan kepada tauhid dan syariat membimbing manusia ke arah jalan yang benar di dunia dan akhirat. Dalam hal ini, Islam secara tegas menolak segala bentuk syirik dan penyembahan selain Allah SWT dalam kehidupan di dunia. Allah SWT memiliki segala sifat-sifat kesempurnaan dan layak bagi-Nya. Sejarah menunjukkan bahawa penyimpangan dalam aspek akidah telah bermula sejak zaman Nabi Adam a.s. Iblis berikrar untuk menyesatkan keturunan manusia dengan pelbagai bentuk maksiat dan penyimpangan akidah, sebagaimana dinyatakan dalam firman Allah s.w.t:

قَالَ فِيمَا أُغْوِيْتَنِي لِأَفْعِدَنَّ لَهُمْ صِرَاطَكَ الْمُسْتَقِيمَ ثُمَّ لَأَنْبِيَهُمْ مِّنْ بَيْنِ أَيْدِيهِمْ وَمِنْ خَلْفِهِمْ وَعَنْ أَيْمَانِهِمْ وَعَنْ شَمَائِلِهِمْ وَلَا تَجِدُ أَكْثَرَهُمْ شَاكِرِينَ

Terjemahan: *Iblis berkata: “Oleh kerana Engkau (wahai Tuhan) menyebabkan daku tersesat (maka) demi sesungguhnya aku akan mengambil tempat menghalangi mereka (dari menjalani) jalanMu yang lurus. Kemudian aku datang dari mereka, dari hadapan mereka serta dari belakang mereka, dan dari kanan mereka serta dari kiri mereka; dan Engkau tidak akan dapati kebanyakan mereka bersyukur.”*

(Surah al-A'raf, 16-17)

Allah SWT telah mengutuskan rasul untuk menyeru manusia beriman serta mengesakanNya, dan beribadah kepada-Nya. Selepas kewafatan Nabi SAW, perpecahan dalam umat telah berlaku dengan perkara usul dan furu'. Perpecahan ini membawa kepada pemikiran dan

aliran mengikut kumpulan-kumpulan tertentu dalam perkembangan Islam sehingga hari ini. Rasulullah SAW menyatakan tentang perpecahan umat sebagaimana sabda baginda:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ افْتَرَقَتِ الْيَهُودُ عَلَى إِحْدَى أَوْ اثْنَتَيْنِ وَسَبْعِينَ فِرْقَةً وَتَفَرَّقَتْ أُمَّتِي عَلَى ثَلَاثٍ وَسَبْعِينَ فِرْقَةً

Terjemahan: Daripada Abu Hurairah, beliau berkata, Rasulullah SAW telah bersabda: “*Golongan Yahudi terpecah menjadi tujuh puluh satu atau dua golongan, dan umatku terpecah menjadi tujuh puluh tiga golongan.*” (Hadis riwayat Ahmad, no. hadith 8046)

Dalam perbincangan mengenai *al-Firqah al-Islamiyyah*, terdapat beberapa hadis mengenai perpecahan umat (*iftiraq al-ummah*) kepada 73 golongan. Dalam 73 golongan tersebut, hanya satu golongan daripada mereka akan selamat. Sebahagian ulama berbeza pendapat mengenai status hadis ini sama ada ia sahih atau tidak sahih secara keseluruhan atau sebahagian. Hadis riwayat Abu Hurairah r.a dinilai sahih dan terdapat ulama hadis yang menilai dengan status hadis hasan. Manakala dalam perbincangan mengenai maksud ‘bilangan perpecahan’ dalam hadis tersebut, sebahagian ulama berbeza pendapat. Sebahagian ulama menjelaskan bilangan itu semata-mata untuk perbanyakkan sebagaimana firman Allah SWT:

ثُمَّ فِي سِلْسِلَةٍ ذَرْعُهَا سَبْعُونَ ذِرَاعًا فَاسْلُكُوهُ ۗ ٣٢

Terjemahan: “*Selain dari itu, masukkanlah dia dalam (lingkaran) rantai besi yang ukuran panjangnya tujuh puluh hasta, (dengan membelitkannya ke badannya)!*”

(Surah al-Haqqah, 32)

Al-Murjani di dalam *al-‘Adhdiyah*, menjelaskan bilangan dalam ayat tersebut tidak dapat difahami. Maka tiada halangan untuk menambah bilangan yang telah ditetapkan walaupun tidak dibenarkan mengurangkannya, atau niatnya adalah merujuk kepada asal usul mazhab dan bukan cabangnya, sebagaimana yang dinyatakan oleh Imam Fakhr al-Dīn al-Rāzī, walaupun beliau melemahkan hadis ini dalam tafsirnya. Antara ulama’ yang berbeza pendapat tentang bilangan perpecahan umat adalah Abū al-Ḥusayn al-Malī (377H) (2007), dalam kitab *ar-rad al-ahwa’ wa al-bid’ah*, Abū Manṣūr al-Baghdādī (429H) *al-Farq bayn al-Firqah*, Abū al-Muzaffar al-Isfarāyīnī dalam kitab *Al-Tabṣīr* (m.471H) (2010) Abi Fath Muhammad bin Abd Karim Al-Shahrastānī (548H) dalam kitab *al-Milal wa al-Nihal* dan lain-lain. Begitu juga dalam memahami mengenai umat (*mafhum al-ummah*), adakah difahami dengan umat yang menerima seruan dakwah Islam (*umat al-da’wah*) atau umat telah menerima Islam (*umat al-ijābah*)? (Al-Kawtharī, 1999).

### Latar Belakang Abū Al-Muzaffar Ṭāhir Ibn Muḥammad Isfarāyīnī

Abū al-Muzaffar Ṭāhir bin Muhammad al-Isfarāyīnī ada seorang ulama yang mempunyai keilmuan dalam bidang usluddin, usul fiqh, ilmu kalam, ilmu tafsir dan seorang yang faqih dalam mazhab al-Syafie. Gelaran yang diberikan kepada Abū Al-Muzaffar Ṭāhir Ibn Muḥammad Isfarāyīnī, ialah *imam kabir hujjat al-muttakallimun*. Beliau telah meninggal dunia pada tahun 471 Hijrah di Tus, Iran. Ibn ‘Asākir (2014) dalam menyebutkan mengenai Abū Al-Muzaffar Ṭāhir Ibn Muḥammad Isfarāyīnī, beliau merupakan seorang yang menjelaskan kekeliruan berkaitan perkara-perkara yang dinisbahkan kepada Imam Al-Asy’ari. Manakala al-Kawthari menukilkan bahawa

Ibn 'Asākir menyatakan bahawa Abū Al-Muzaffar Ṭāhir Ibn Muḥammad Isfarāyini merupakan ulama Ahli Sunah Waljamaah yang faqih dalam bidang usuluddin dan seorang mufassir.

Al-Taj al-Din al-Subki (2007) dalam “*Tābaqāt al-Syafi'iyyah al-Kubra*” juga menyebutkan Abu Muzaffar merupakan ulama yang mempunyai kefaqihan dalam ilmu usuluddin, fiqh dan tafsir. Al-Sayyid al-Murtadā al-Zubaidi juga memberikan pujian kepada Abū Al-Muzaffar Ṭāhir Ibn Muḥammad Isfarāyini dalam syarah kitab *al-Ihya'* ketika membicarakan ulama dalam ilmu usuluddin. Abu Bakr Ibn al-'Arabi pula menyebutkan dalam *A'arid al-Ahwādhī*, bahawa beliau adalah imam yang rajin, hafiz, ahli fiqh dan satu-satunya ahli dalam ilmu kalam. Al-Kawtharī (1999) menukilkan bahawa al-Dāwudi dalam “*Tābaqāt al-Mufassirīn*” memuji Abū Al-Muzaffar Ṭāhir Ibn Muḥammad Isfarāyini sebagai seorang mufassir ulung, menulis dalam ilmu usuluddin, dan mempunyai pengalaman luas perjalanan dalam mencari ilmu. Beliau mengajar pelbagai ilmu dan memberi manfaat dalam bidang kepada umat Islam. Al-Isfarayini meninggal di Tus, Iran pada tahun 471H (Wan Haslan, 2017).

Selain itu, Abū Al-Muzaffar Ṭāhir Ibn Muḥammad Isfarāyini telah menulis beberapa buah kitab tentang usuluddin, aqidah dan tafsir. Antaranya adalah kitab “*Tafsīr Al-Kitāb Al-Karīm*” dalam bahasa Parsi yang telah dicetak berulang kali di Iran. Kitab ini juga menjadi rujukan dan simpanan kumpulan orientalis yang mengkaji tentang agama bagi masyarakat timur. Selain itu, al-Isfarayini turut mengarang kitab “*Al-Awsat fi Al-Milal wal-Nihal*” dan “*Al-Tabsir.*” Beliau juga dikenali melalui penulisan kitab “*Al-Awsat fi Al-Milal wal-Nihal.*” Kitab ini menjelaskan tentang akidah Islam berdasarkan pendekatan Imam Ash'ari dan mengkritik golongan bid'ah dan aliran sesat seperti Mu'tazilah, Khawarij, Rafidah dan lain-lain lagi. Ia memfokuskan kepada pendekatan melalui ilmu kalam dalam mempertahankan prinsip tauhid, sifat-sifat Allah, dan kenabian. Kitab ini menjadi rujukan penting kepada umat zaman pertengahan dalam memahami Ahli Sunah Waljamaah. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk mengenal pasti *al-firqah al-najiyah* menurut Abū Al-Muzaffar Ṭāhir Ibn Muḥammad Isfarāyini berdasarkan kitab *al-Tabsir fi al-Din wa-Tamyiz al-Firqah al-Najiyah 'an al-Firqah al-Halikin*

## **Hasil Kajian dan Perbincangan**

Kitab *al-Tabsir fi al-Din wa-Tamyiz al-Firqah al-Najiyah 'an al-Firqah al-Halikin* merupakan gagasan idea yang menjadi saranan khusus kepada menteri di zaman pemerintahan kerajaan Nizam al-Mulk. Dalam karya ini, Abū Al-Muzaffar Ṭāhir Ibn Muḥammad Isfarāyini menjelaskan tentang kebenaran dengan membina hujah-hujah, menghimpunkan penjelasan aqidah orang beragama dan golongan sesat dan ateis. Penjelasan dibincangkan berdasarkan latarbelakang dalam aspek sejarah, kepercayaan dan amalan. Al-Isfarayini telah membincangkan beberapa tema penting dalam kitab ini. Ia dapat dilihat kepada dua bahagian iaitu pertama; *al-firqah al-halikin* (perbezaan golongan yang sesat) dan kedua, *al-firqah al-najiyah* (golongan yang benar). Kandungan kitab ini terbahagi kepada lima bahagian yang membentuk bab-bab di dalam kitab dan menerangkan dalam setiap bab sepertimana dalam Jadual I.

**Jadual I:** Kandungan Kitab *al-Tabsir fi al-Din wa-Tamyiz al-Firqah al-Najiyah 'an al-Firqah al-Halikin*

Bab	Kandungan
1	Menjelaskan perselisihan pertama yang berlaku dalam Islam selepas kewafatan Rasulullah SAW. Kemudian, perselisihan yang berlaku pada zaman para sahabat.
2	Penjelasan kumpulan perbezaan umat
3	Penjelasan makalah-makalah kelompok <i>al-Rawafid</i> .
4	Penjelasan makalah-makalah kelompok <i>al-Khawarij</i>
5	Penjelasan makalah-makalah kelompok <i>Qadariyah mulaqabah bil Mu'tazilah</i> .
6	Penjelasan makalah-makalah kelompok <i>al-Murji'ah</i>
7	Penjelasan makalah-makalah kelompok <i>al-Najjariyyah</i> .
8	Penjelasan makalah-makalah kelompok <i>al-Darariyyah</i> .
9	Penjelasan makalah-makalah kelompok <i>al-Bakriyyah</i> .
10	Penjelasan makalah-makalah kelompok <i>al-Jahmiyyah</i> .
11	Penjelasan makalah-makalah kelompok <i>al-Karamiyyah</i> .
12	Penjelasan makalah-makalah kelompok <i>al-Mushabbihah</i> .
13	Penjelasan kelompok-kelompok yang nisbah kepada Islam dan bukan daripada Islam. Mereka tidak termasuk dalam 72 golongan tetapi mereka lebih 20 golongan
14	Penjelasan kelompok-kelompok Atheis sebelum kemunculan negara Islam.
15	Penjelasan kepercayaan Ahli Sunah Waljamaah.

Dalam Bab 1 kitab ini, Abū Al-Muzaffar Tāhir Ibn Muḥammad Isfarāyīnī telah membincangkan kronologi isu-isu perpecahan umat dengan membawakan kronologi isu-isu perpecahan umat bermula. Ia ini dapat dilihat selepas kewafatan Rasulullah SAW dengan berlaku beberapa perselisihan seperti dalam isu pemakaman Nabi SAW, isu pemilihan kepimpinan (*imamah*) dan isu peninggalan dari Rasulullah SAW. Semasa zaman saidina Uthman r.a berlaku konflik hingga terjadi pembunuhan. Kemudian, pada zaman pemerintahan saidina 'Ali r.a berlaku ketidak tentuan politik yang menyebabkan desakan dan tuntutan kepada kerajaan terhadap pembunuhan saidina Uthman r.a. Akhirnya berlaku peperangan al-Jamal dan Siffin, dan dalam keadaan kedua-dua pemerintahan ketika itu muncul kelompok *al-Khawarij*. Dalam masa yang sama, muncul kelompok *Saba'iyah* dari *al-Rawafid* yang mendakwa bahawa Ali adalah Tuhan, muncul kumpulan-kumpulan *al-Rawafid* yang lain, muncul fahaman *al-Qadariyyah* oleh Ma'bad al-Juhani, Ghailan Dimasyq dan Ja'd bin Dirham. Mereka menolak sebahagian besar riwayat berkaitan *qadar* daripada para sahabat seperti 'Abdullah bin 'Umar, 'Abdullah bin 'Abbas, Anas bin Malik, Abu Hurairah dan lain-lain. Kemudian, berlaku beberapa perselisihan dengan muncul golongan muktazilah dan golongan *al-najjariyyah* pada zaman Khalifah al-Ma'mun dan golongan *al-karamiyyah* di Khurasan.

Dalam Bab 2, al-Isfarayini menjelaskan perbezaan umat dan menyenaraikan asal usul dalam latar perkembangan sejarah. Beliau menyatakan terdapat 20 kelompok *al-Rawafid*, 20 kelompok *al-Khawarij*, 20 kelompok *al-Qadariyyah*, 5 kelompok *al-Murji'ah*, 3 kelompok *al-Najjariyyah*, 1 kelompok *al-Bakriyyah*, 1 kelompok *al-Darariyyah*, 1 kelompok *al-Jahmiyyah* dan 1 kelompok *al-Karamiyyah*, sepertimana dinyatakan dalam Jadual 2. Manakala dalam kelompok Ahli Sunah Waljamaah terdapat kumpulan aliran *al-ra'y* dan *al-hadith*; dan beberapa kumpulan fuqaha yang berbeza pendapat.

**Jadual 2:** 72 Kelompok Umat Islam Menurut al-Israfayini

[i] Al-Rawāfiq (20)	[ii] Al-Khawārij (20)	[iii] Al-Qadariyyah (20)	[iv] Al-Murji'ah (5)
Al-Zaydiyyah	1-Al-Mahmakamah I	1-Al-Wāṣiliyyah	1-Yūnusiyyah
	2-Al-Azāriqah	2-Al-'Amrawiyyah	2-Ghassāniyyah
1-Al-Jārūdiyyah	3-Al-Najdāt	3-Al-Huzayliyyah	3-Tawmaniyyah
2-Al-Sulaymaniyyah	4-Al-Ṣufriyyah	4-Al-Nazzāmiyyah	4-Thawbāniyyah
3-Al-Abtariyyah	5-Al-'Ajāridah	5-Al-Aswāriyyah	5-Marīsiyyah
	6-Al-Khāzimiyyah	6-Al-Ma'mariyyah	
Al-Kaysāniyyah	7-Al-Sha'biyyah	7- Al-Iskāfiyyah	
	8- -Al-Syaibaniyyah	8- Al-Ja'fariyyah	<b>[v] Al-Najjāriyyah (3)</b>
1-Al-Kaysaniyyah I	9-Al-Ma'badīyyah	9-Al-Bishriyyah	
(Menurut Mukhtar Abi 'Abid)	10.Al-Rashīdiyyah	10- Al-Mirdāriyyah	1-Barghūthiyyah
2-Al-Kaysāniyyah II	11-Al-Makramiyyah	11- Al-Hishāmiyyah	2-Za'farāniyyah
(Menurut Muhammad Ibn Hanafiah)	12-Al-Ḥamziyyah	12-Al-Thumāmiyyah	3-Mustadrikah
	13-Al- Ibrāhīmiyyah	13-Al-Jāhiziyyah	
Al-Imāmiyyah	14-Al- Wāqifiyyah	14-Al-Khayyātiyyah	<b>[vi] Al-Ḍarāriyyah (1)</b>
	15-Al-Ibādiyyah	15- Al-Shahāmiyyah	
	16-Ḥafsiyyah	16-Aṣḥāb Ṣāliḥ Qubbah	<b>[vii] Al-Jahmiyyah (1)</b>
	17-Ḥārithiyyah	17-Al-Mu'nisiyyah	
1-Al-Kāmiliyyah	18-Al- Yazīdiyyah	18-Al-Ka'biyyah	<b>[viii] Al-Bakriyyah (1)</b>
2-Al-Muḥammadiyyah	19-Al-Maimuniyyah	19-Al-Jubbā'iyyah	
3-Al-Bāqiriyyah	20-Aṣḥāb Ṭā'ah	20-Al-Bahshamiyyah	<b>[ix] Al-Karāmiyyah (1)</b>
4-Al-Nāwūsiyyah			
5-Al-Shumayṭiyyah			1-Al-Haqaiqiyah, Al-Thoroiqiyah, Al-Ishaqiyah
6-Al-'Ammāriyyah			
7-Al-Ismā'īliyyah			
8-Al-Mūsawiyah			
9-Al-Mubārakiyyah			
10-Al-Qaṭ'iyyah			
11-Al-Hishāmiyyah			
12- Al-Hishāmiyyah II			
13-Al-Zarāriyyah			
14-Al-Yūnusiyyah			
15 -Al-Shayṭāniyyah			

Dalam Bab 3 kitab *al-Tabsir fi al-Din wa-Tamyiz al-Firqah al-Najiyah 'an al-Firqah al-Halikin*, al-Isfarayini memperincikan golongan bukan Islam (kafir) yang telah menzahirkan keislaman dalam kehidupannya di negara-negara Islam. Terdapat dalam kalangan golongan bukan Islam yang berselindung atau menyembunyikan pegangan sebenar dan memerangi umat Islam secara rahsia. Kelompok tersebut adalah sepertimana dalam Jadual 3.

**Jadual 3:** Golongan Bukan Islam (kafir) yang Menzahirkan Keislaman

Fasal	Kumpulan
1	Kelompok <i>al-Saba'iyyah</i> dan penjelasan terkeluarnya daripada agama Islam.
2	Kelompok <i>al-Bayaniyyah</i> dari puak pelampau dan penjelasan terkeluarnya daripada Islam.
3	Kelompok <i>al-Mughiriyyah</i> dari puak pelampau dan penjelasan terkeluarnya daripada kelompok Islam.
4	Kelompok <i>al-Harbiyyah</i> dan penjelasan terkeluarnya daripada kelompok umat.
5	Kelompok <i>al-Manṣuriyyah</i> dan penjelasan terkeluarnya daripada kelompok Islam.
6	Kelompok <i>al-Janahiyyah</i> dari puak pelampau dan penjelasan terkeluarnya daripada Islam.
7	Kelompok <i>al-Khattabiyyah</i> pengikut Abu al-Khattab al-'Asadi.

*bersambung*

8	Kelompok <i>al-Ghurabiyyah</i> , <i>al-Mufawwidah</i> dan <i>al-Dhambiyyah</i> dan penjelasan terkeluarnya daripada kelompok umat.
9	Kelompok <i>al-Shar'iyah</i> dan <i>al-Namiriyyah</i> daripada <i>al-Rafidah</i> .
10	Kelompok <i>al-Hululiyyah</i> dan penjelasan terkeluarnya daripada kelompok Islam.
11	Kelompok <i>al-Kharmiyyah</i> dan penjelasan terkeluarnya daripada kelompok umat.
12	Penganut <i>al-Tanasukh</i> dari puak sesat dan penjelasan terkeluarnya daripada kelompok umat.
13	Penjelasan kesesatan-kesesatan kelompok <i>al-Khatibiyyah</i> dari <i>al-Qadariyyah</i> dan penjelasan terkeluarnya daripada kelompok umat.
14	Kelompok <i>al-Himariyyah</i> dari <i>al-Qadariyyah</i> dan penjelasan terkeluarnya daripada kelompok umat.
15	Kelompok <i>al-Yazidiyyah</i> dari <i>al-Khawarij</i> dan penjelasan terkeluarnya daripada kelompok umat.
16	Kelompok <i>al-Maymuniyyah</i> dari <i>al-Khawarij</i> dan penjelasan terkeluarnya daripada kelompok Islam.
17	Kelompok <i>al-Batiniyyah</i> dan penjelasan terkeluarnya daripada kelompok Islam.

Selain itu, terdapat golongan yang tidak mempercayai kewujudan tuhan dan dikenali sebagai ateis. Dalam Bab 4, Abū Al-Muzaffar Ṭāhir Ibn Muḥammad Isfarāyīnī menjelaskan golongan aties adalah golongan yang menolak kewujudan Tuhan atau tidak mempercayai Tuhan dikategorikan sebagai golongan *zindik* atau *dahriyyah* sepertimana dalam Jadual 4. *Zindik* merujuk kepada orang yang berpura-pura Islam tetapi dalam hati tidak mempercayai Tuhan atau mempunyai fahaman yang batil. Mereka berpegang dengan fahaman falsafah Yunani dan menolak asas-asas keimanan dalam ajaran Islam. Manakala *dahriyyah* adalah golongan yang percaya bahawa alam ini kekal dengan sendirinya dan tidak dicipta oleh Allah. Mereka menafikan kewujudan Tuhan dan menyandarkan segala kejadian kepada faktor masa (*dahr*), seolah-olah masa itu yang menciptakan segala sesuatu. Abū Al-Muzaffar Ṭāhir Ibn Muḥammad Isfarāyīnī mengkritik golongan ini kerana mereka menafikan pencipta dan hari kebangkitan. Beliau mempertahankan prinsip tauhid dan keesaan Allah sebagai asas utama dalam aqidah Islam.

**Jadual 4:** Kelompok Atheis sebelum Kemunculan Negara Islam

Fasal	Kelompok
1	<i>Al-Haluliyyah</i> : Golongan yang mempunyai kebiasaan menyembah apa saja bentuk yang mereka dapati diterima, mereka menyembah matahari, bulan, planet-planet dan malaikat.
2	<i>Al-Hayuli</i> : Golongan yang menyatakan bahawa dunia adalah kekal.
3	<i>Al-Majusi</i> : Golongan ini terbahagi kepada empat iaitu <i>al-zarwaniyyah</i> , <i>al-maskhiyah</i> , <i>al-haram diniyah</i> dan <i>al-bah afridiyyah</i> .
4	<i>Al-Ṣabiah</i> : Golongan yang dipanggil sebagai Barahimah yang mengingkari semua nabi, tetapi mereka percaya kepada penciptaan dunia dan tauhid kepada Tuhan.
5	Golongan Yahudi yang terbahagi kepada dua iaitu <i>musyabbahah</i> (mereka mengambil perumpamaan daripada orang Yahudi) dan <i>al-qadariyyah</i> (mengingkari <i>ru'yah</i> ).
6	<i>Al-Nasara</i> : Golongan yang berpegang teguh kepada ajaran Nabi Isa AS.

### Golongan Ahli Sunah Waljamaah Menurut Abū Al-Muzaffar Ṭāhir Ibn Muḥammad Isfarāyīnī

Ahli Sunah Waljamaah merupakan golongan yang berpegang teguh kepada ajaran Islam yang bersumber daripada al-Quran, sunnah dan kefahaman para sahabat serta generasi awal (*salaf al-salih*). Dalam kitab *al-Tabsir fi al-Din wa-Tamyiz al-Firqah al-Najiyah 'an al-Firqah al-Halikin*, al-Isfarayini menjelaskan pengertian dan sempadan yang jelas tentang golongan dalam *al-firqah al-najiyah* (golongan selamat) dan ciri-ciri bagi golongan Ahli Sunah Waljamaah. Mereka adalah golongan yang berpegang kepada akidah Islam daripada Rasulullah SAW, para sahabat dan

menjauhi bidaah serta penyelewengan dalam agama. Dalam Bab 5, al-Isfarayini menjelaskan *al-firqah al-najiyah* atau Ahli Sunah Waljamaah. Beliau membahagikan tiga fasal seperti berikut:

- (a) **Fasal I:** Menjelaskan tentang Aqidah Ahli Sunah Waljamaah. Perincian mengenai fasal ini sepertimana dalam Jadual 5.

**Jadual 5:** Aqidah Ahli Sunah Waljamaah

<b>Bil.</b>	<b>Perincian Kandungan</b>
1	Seluruh alam semesta wujud selepas tiada dan diciptakan dengan permulaan.
2	Mustahil makhluk dicipta tanpa Pencipta.
3	Mengetahui bahawa Pencipta dunia adalah satu. Jika ada di langit dan bumi tuhan-tuhan selian Allah, maka rosaklah pentadbiran kedua-duanya.
4	Mengetahui bahawa Pencipta adalah kekal dan tidak boleh digambarkan sebagai tiada kerana Pencipta tidak boleh menjadi Pencipta melainkan dia wujud.
5	Mengetahui bahawa Pencipta tidak boleh dijelaskan dengan sifat keperluan, kerana itu akan memerlukan Dia keluar dari sifat keperluan.
6	Mengetahui bahawa Pencipta dunia wujud.
7	Mengetahui bahawa Pencipta itu melihat dan dapat dilihat di akhirat bagi orang beriman.
8	Mengetahui bahawa Pencipta tidak menyerupai penciptaan dalam apa-apa jua makhluk.
9	Mengetahui bahawa Pencipta tidak mempunyai had atau penghujung kerana sesuatu perkara itu tidak khusus untuk had melainkan ia ditentukan oleh had itu dan dengan keizinan had lain.
10	Mengetahui bahawa Pencipta tidak berjirim dan tidak <i>jauhar</i> .
11	Mengetahui bahawa Pencipta tidak <i>'arad</i> kerana ia mustahil kekal dan Pencipta adalah kekal.
12	Mengetahui bahawa Pencipta mustahil mempunyai anak dan isteri kerana itu hanya boleh berlaku melalui hubungan dan itu memerlukan had dan akhir.
13	Mengetahui bahawa Pencipta tidak boleh baginya untuk mempunyai rakan kongsi dalam kerajaan, kerana Pencipta adalah Esa dan tidak mempunyai kedua, dan Dialah yang memiliki segalanya.
14	Mengetahui bahawa pergerakan, diam, pergi, datang, berada di tempat, pertemuan, dekat, jarak, bersambung, pemisahan, saiz, jisim, badan, bentuk, ruang, jumlah, kawasan dan arah semuanya adalah mustahil bagi Allah SWT. Ini kerana perkara tersebut memerlukan had dan tempoh akhir.
15	Mengetahui bahawa kejadian ( <i>hawadith</i> ) tidak boleh disamakakan kepada zat dan sifat-sifat-Nya.
17	Mengetahui bahawa Allah SWT Maha Suci tidak boleh bersifat dengan kekurangan atau kecacatan.
18	Mengetahui bahawa tidak boleh bagi-Nya dengan kualiti, kuantiti, atau identiti, tempat, permulaan kerana Dia tidak mempunyai permulaan dan akhir.
19	Mengetahui bahawa Pencipta dunia wujud, berkuasa, mengetahui, berkehendak, mendengar, dan melihat sepertimana dinyatakan dalam wahyu.
22	Mengetahui bahawa Pencipta dunia adalah kekal. Dia adalah <i>qadim</i> , dan yang <i>qadim</i> hanya boleh kekal abadi.
25	Mengetahui bahawa apa yang tidak boleh disampaikan dari ungkapan-ungkapan terhadap zat dan sifat-sifat-Nya. Tidak boleh dikatakan bahawa sifat tersebut adalah berbeza, bertentangan, atau sesuai dengan sifat-sifat lain-Nya, atau menyerupai atau tidak menyerupai-Nya.
26	Mengetahui bahawa setiap sifat yang dimiliki oleh Allah Maha Mulia adalah kekal dan abadi.
27	Mengetahui bahawa tiada ( <i>al-'adam</i> ) tidak berlaku atas zat-Nya mahupun pada sifat-sifat-Nya.
28	Mengetahui bahawa pengetahuan Allah Maha Suci bersifat umum terhadap semua pengetahuan, kekuasaan-Nya bersifat umum terhadap semua kemampuan, dan kehendak-Nya bersifat umum terhadap semua kehendak. Pengetahuan-Nya meliputi segala sesuatu dan Dia menghendaki agar sesuatu terjadi sesuai dengan apa yang Dia ketahui, serta Dia mengkehendaki agar sesuatu tidak terjadi sesuai dengan apa yang Dia ketahui. Tidak ada yang terjadi di kerajaan-Nya dengan apa yang tidak sesuai dengan kehendak-Nya.

*bersambung*



- 
- 30 Mengetahui bahawa wahyu Allah itu benar dan termasuk ayat-ayat perintah, larangan, berita, dan pemberitahuan dengan makna.
  - 31 Mengetahui bahawa sifat-sifat-Nya bersifat umum pada zat-Nya sendiri. Sifat umum tersebut mempunyai kaitan dengan segala sesuatu, maka umumnya kekuasaan-Nya meliputi sesuatu yang mungkin, dan terbukti bahawa Dia maha berkuasa untuk mematikan semua makhluk, membatalkan segala sesuatu yang ada, memiliki kemampuan untuk menciptakan lebih banyak dari apa yang Dia menciptakan sesuatu dengan 'bagaimana' atau 'di mana' Dia kehendaki. Allah SWT mempunyai kemampuan untuk mengutus rasul, menurunkan kitab-kitab, dan menunjukkan mukjizat yang membuktikan kebenaran. Oleh itu, Dia berkuasa untuk memberikan pahala bagi orang-orang yang taat dan menghukum orang-orang yang berbuat kekufuran dan maksiat.
  - 32 Mengetahui bahawa Allah tidak dapat disalahkan dengan apa yang dilakukan. Tidak boleh mengatakan tentang apa yang Dia lakukan, mengapa Dia melakukannya? Apa yang dia tinggalkan?
  - 33 Mengetahui bahawa Allah memiliki pengetahuan bijaksana dalam segala perbuatan-Nya. Hakikat kebijaksanaan dalam perbuatan-Nya terletak pada kesesuaian dengan pengetahuan dan kehendak-Nya. Allah menciptakan sesuatu dengan mempunyai hikmah bagi mereka yang memerhati.
  - 34 Mengetahui bahawa bukti kebenaran kenabian adalah mukjizat. Mukjizat adalah perkara yang muncul untuk membuktikan kebenaran kenabian.
  - 35 Mengetahui bahawa mukjizat tidak muncul di tangan pendusta. Kerana membezakan antara benar dan palsu perlu dalil. Tidak ada cara untuk mengetahui melainkan dengan mukjizat kenabian.
  - 36 Mengetahui bahawa tidak ada kewajiban bagi makhluk kecuali dengan perintah yang diperintahkan Allah melalui lisan Rasul.
  - 37 Mengetahui bahawa Allah mengutus para nabi dan menurunkan kitab-kitab-Nya untuk menjelaskan pahala dan dosa.
  - 38 Mengetahui bahawa Nabi Muhammad SAW adalah Rasul Tuhan Yang Maha Mulia, yang membawa kebenaran kepada kita dalam risalahnya, dalam semua tindakan dan perkataannya, dan mukjizatnya adalah Al-Quran, yang dia membacakan kepada orang ramai dan mencabar mereka untuk menentanginya dan menuntut ketaatan daripada mereka.
  - 39 Mengetahui bahawa Nabi SAW adalah utusan Allah dalam agama islam yang dipercayai dari segi perbuatan dan percakapannya.
  - 40 Mengetahui bahawa bahawa Al-Sirāṭ itu benar, dan syurga serta neraka adalah kenyataan, kedua-duanya dicipta, dan semuanya disebutkan dalam Al-Quran serta dalam riwayat yang nyata daripada Nabi SAW, tanpa meninggalkan sebarang keraguan atau perselisihan bagi mereka yang meninggalkan sikap prejudis.
  - 41 Mengetahui bahawa bahawa ijma' (kesepakatan) itu adalah benar, dan apa yang diakui oleh seluruh ummah sebagai benar, itu pasti benar dengan hakikatnya, sama ada secara kata-kata atau perbuatan.
  - 42 Mengetahui bahawa di antara perkara-perkara yang disepakati oleh kaum Muslimin ialah sepuluh orang sahabat Rasulullah saw termasuk ahli syurga, mereka juga sepakat bahawa isteri-isterinya, anak-anaknya dan cucu-cucu semuanya termasuk ahli syurga.
  - 43 Mengetahui bahawa setiap orang yang menganuti agama ini yang telah kami gambarkan daripada kepercayaan firqah yang selamat, maka dia berada di atas kebenaran dan jalan yang lurus. Barangsiapa yang memperkenalkan bidaah, maka dia adalah orang yang memulai bid'ah. Barangsiapa yang menyesatkan dirinya, maka dia adalah orang yang sesat. Barangsiapa yang mengkafirkan agama ini, maka dia adalah kafir. Kerana sesiapa yang berkeyakinan bahawa iman itu kufur, dan petunjuk itu sesat, dan sunnah itu bidaah, maka keyakinannya adalah kufur, sesat, dan bidaah.
  - 44 Mengetahui bahawa setiap perkara yang wajib diketahui daripada asas-asas kepercayaan, adalah wajib bagi setiap individu dewasa dan berakal untuk mengetahuinya secara benar, berdasarkan petunjuk akal yang sah. Dia tidak dibenarkan untuk mengikutinya secara taqlid dan tidak boleh bergantung kepadanya dari orang tua kepada anak.
- 

*bersambung*

- 
- 45 Mengetahui bahawa bertanya adalah wajib apabila berlaku keperluan dan kejadian mendesak, kerana jika seseorang tidak bertanya dan bertindak berdasarkan pendapat sendiri, lalu melakukan kesilapan atau tepat, maka perbuatannya itu tidaklah dianggap sebagai ketaatan kepada perintah Allah Taala, dan tidak dibenarkan menjadi ibadah yang dapat mendekatkan diri kepada-Nya.
- 46 Mengetahui bahawa sesiapa yang merupakan pengikut taqlid dalam hukum-hukum syariah, maka wajib baginya untuk bertanya dan tidak dibenarkan baginya untuk bertanya kepada setiap orang. Sebab, jika dibenarkan hal itu, maka ia juga dibenarkan untuk bertindak berdasarkan pendapat sendiri. Ini disebabkan tidak ada perbezaan antara individu satu dengan yang lain jika tidak diperhatikan sifat-sifat para mujtahid.
- 47 Mengetahui bahawa sesiapa yang telah memperoleh pengetahuan maka menjadi syarat untuk kesahihan kepercayaan. Wajib baginya untuk mengakui ketika diperlukan. Tidak dibenarkan baginya untuk menyangkal atau menyembunyikan.
- 

(b) **Fasal II:** Fasal ini menjelaskan tentang cara mencapai keselamatan bagi Ahli Sunah Waljamaah di akhirat. Perincian fasal II dapat dilihat sepertimana dalam Jadual 6.

**Jadual 6:** Cara Mencapai Keselamatan bagi Ahli Sunah Waljamaah di Akhirat

---

**Bil. Perincian Kandungan**

---

- i Ahli Sunah Waljamaah dapat dikenal pasti melalui beberapa ciri utama, termasuk pendekatan mereka terhadap dalil-dalil syariah. Mereka mengambil dalil dari empat sumber utama:
- [1] Al-Quran: Kitab suci al-Quran adalah sumber utama hukum Islam. Mereka mengambil hukum dan panduan dari ayat-ayat Al-Quran.
- [2] Sunnah Rasulullah SAW: Hadis ialah apa yang dinyatakan oleh Rasulullah dalam perkhabaran, perbuatan dan pengakuan adalah sumber kedua yang digunakan oleh Ahli Sunah Waljamaah. Mereka mengambil petunjuk hukum dari hadis-hadis sahih yang membawa hikmah dan peraturan.
- [3] Ijma': Kesepakatan para ulama' dalam menetapkan sesuatu hukum adalah sumber hukum yang diambil oleh ahli sunah waljamaah.
- [4] Qiyas: Analogi ialah kaedah mengambil hukum daripada kes-kes yang telah dijelaskan dalam al-Quran dan Sunnah kepada kes-kes baru yang belum dijelaskan. Ahli Sunah Waljamaah menggunakan qiyas sebagai sumber hukum yang sah. Ahli Sunah Waljamaah menggabungkan empat sumber ini untuk membentuk kerangka hukum Islam. Mereka yakin bahawa dengan memahami dan mengikuti prinsip-prinsip ini, mereka dapat mencapai kebenaran hukum dan praktik agama tanpa mengorbankan atau menolak sebahagian dari sumber-sumber tersebut.
- ii Mereka tidak mengkafirkan satu sama lain, dan tidak terdapat perselisihan di antara mereka yang memerlukan distansi atau takfir (menyatakan kafir). Prinsip ini menunjukkan sikap inklusif dan toleran di antara umat Islam yang tergabung dalam Ahli Sunah Waljamaah. Kebersamaan dalam memegang kebenaran dan prinsip-prinsip ajaran Islam adalah asas utama. Mereka memahami bahawa perselisihan dalam perkara-perkara furu' (cabang-cabang agama) tidak seharusnya membawa kepada kafir mengkafir atau perselisihan yang merugikan umat Islam secara keseluruhan. Prinsip-prinsip berdasarkan keyakinan bahawa Allah SWT melindungi kebenaran dan mereka yang berpegang teguh pada ajaran Islam yang benar.
-

(c) **Fasal III:** Keutamaan Ahli Sunah Waljamaah dan penjelasan tentang keistimewaan yang mereka miliki. Oleh itu, terdapat beberapa keutamaan yang dinyatakan oleh para ulama dan cendekiawan Islam mengenai Ahli Sunah Waljamaah dalam menjelaskan ilmu-ilmu adab dan kesusasteraan, hadis, tafsir dan fiqah dari golongan aliran *al-ra'y* (rasional) dan ahli *al-hadith*. Ahli Sunah Waljamaah adalah golongan yang mempunyai klasifikasi dalam prinsip agama. Prinsip ini menjadi pegangan Ahli Sunah Waljamaah dan menyanggah golongan bidaah terhadap perkara yang direka-reka.

## Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat dinyatakan bahawa Abū al-Muzaffar al-Isfarāyīnī memainkan peranan besar dalam mengemukakan kerangka akidah Ahli Sunah Waljamaah dan membezakan mereka daripada kelompok-kelompok sesat. Melalui kitab **al-Tabṣīr**, beliau menyusun secara sistematik pandangan-pandangan teologi Islam dengan menghuraikan penyimpangan firqah-firqah lain yang muncul sepanjang sejarah. Penekanan terhadap prinsip-prinsip asas akidah seperti keesaan Allah, sifat-sifat-Nya, kenabian, dan kebenaran wahyu menegaskan kepentingan berpegang kepada manhaj Salaf. Ahli Sunah Waljamaah menurut beliau adalah satu-satunya golongan yang benar, berdasarkan hujah naqli dan 'aqli, dan mereka tidak mudah mengkafirkan sesama Islam atas perbezaan cabang. Kesimpulannya, memahami ajaran Ahli Sunah Waljamaah secara mendalam dapat menjadi benteng daripada penyelewengan dan menjamin kekuatan akidah serta perpaduan umat Islam serta boleh dijadikan rujukan penting untuk mengenal pasti, menilai dan menangani ajaran atau pemikiran menyimpang yang timbul dalam masyarakat hari ini, termasuk dalam konteks Malaysia.

## Rujukan

- Al-Baghdadi, Abd al-Qahir bin Tahir bin Muhammad. 1982. *Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah Satu Pengenalan*. Terj. Ibrahim Abu Bakar. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM).
- Al-Kawtharī, Muḥammad Zāhid. 2010. Iftirāq al-ummah 'ala firaq. Dlm. Al-Isfarāyīnī, Abū al-Muzaffar. *Al-Tabṣīr fī al-Dīn wa Tamyīz al-Firqah al-Nājiyyah 'an al-Firaq al-Hālikīn*., Al-Qāhirah: Al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth.
- Al-Maltī, Abū al-Ḥusayn Muḥammad bin Aḥmad bin 'Abd al-Raḥman. 2007. *Al-Tanbīh wa al-Radd 'alā Ahl al-Ahwā' wa al-Bida'*. Muḥammad Zāhid al-Kawtharī (pnyt.). Al-Qāhirah: Al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth.
- Al-Subkī, Tāj al-Dīn Abū Naṣr 'Abd al-Wahhāb bin 'Alī bin 'Abd al-Kāfī. t.th. *Ṭabaqāt al-Shāfi'iyyah al-Kubrā*. Maḥmūd Muḥammad al-Ṭanāhī & 'Abd al-Fattāḥ Muḥammad al-Ḥuluw (pnyt.). Jil. 5. t.tp.: Fayṣal 'Isā al-Bābī al-Ḥalabī & Dār Iḥyā' al-Kutub al-'Arabiyyah.

*Al-Firqah al-Najiyah* Menurut Abu Al-Muzaffar Al-Isfarayini Dalam Kitab *Al-Tabsir Fi Al-Din Wa-Tamyiz al-Firqah al-Najiyah ‘an al-Firqah al-Halikin*

Ibn ‘Asākir, Abū al-Qāsīm ‘Alī bin al-Ḥassan bin Hibbah Allāh al-Dimashqī. 2014. *Tabyīn Kazb al-Muftarī fīmā Nusiba ilā al-Imām Abī al-Ḥassan al-Ash‘arī*. Damshiq: Matba’ah al-Taufiq.

Wan Haslan Khairuddin. 2017. Wacana Ahli Sunah Waljamaah Menurut Abu Mansur Al-Baghdadi (M.429H/1037M). Seminar Kebangsaan Asyairah Ahli Sunah Waljamaah: Menjernihkan Pemikiran Masyarakat Ke Arah Pegangan Majoriti Umat, anjuran Jabatan Usuluddin dan Falsafah (JUF), Fakulti Pengajian Islam (FPI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Wan Haslan Khairuddin. 2021. Kerangka Kajian Ajaran Sesat Menurut Ahli Sunah Waljamaah, *Journal of Ifta and Islamic Heritage*. 1(1), 120-149.